

**Upacara adat kematian Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu' tinjauan awal  
terhadap elemen teaterikal teater**

**ABSTRACT**

Amalan persembahan upacara adat kematian ini dipersembahkan mengikut kepercayaan oleh pengamal budaya masyarakat masingmasing mengikut kepercayaan, agama, adat dan fungsi. Upacara adat tersebut terhadap sesebuah masyarakat termasuklah bagi masyarakat etnik Bajau Semporna, kaya dengan amalan upacara adat yang diamalkan daripada warisan nenek moyang merupakan salah satu amalan upacara adat yang masih diamalkan dalam masyarakat ini adalah Upacara Adat Kematian Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'. Amalan persembahan upacara adat ini mempunyai keunikan tersendiri, selain daripada mempunyai identiti persembahan ritual seperti kenduri Ma Bahagi Pitu', Magpaturun roh arwah, upacara adat ini juga dilihat mempunyai elemen teaterikal ritual yang bersesuaian dengan pemahaman teater tradisional dalam masyarakat kita. Artikel ini bertujuan meneliti elemen-elemen teaterikal yang terdapat dalam salah satu upacara adat kematian dalam etnik Bajau Semporna tersebut.